

Khamis, 11 Februari 2016 @ 1:01 PM

Eksport diunjur berkembang 2 peratus tahun ini - Mustapa

Oleh Shahrizan Salian



MENTERI Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed. - Foto Mohd Yusni Ariffin

KUALA LUMPUR: Jumlah perdagangan Malaysia pada tahun ini diunjurkan lebih tinggi dengan perkembangan pada kadar 2.0 peratus berbanding 1.2 peratus yang direkodkan pada tahun lalu, meskipun berdepan persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata tumpuan utama pada tahun ini adalah mengukuhkan perdagangan dalam kalangan negara ASEAN memandangkan pasaran berkenaan adalah antara yang paling besar menyumbang kepada jumlah perdagangan negara setakat ini.

"Pada bulan hadapan, saya akan ke Thailand dan Singapura bagi mempromosikan perdagangan serta pelaburan bersama kedua-dua negara berkenaan. Saya juga bercadang untuk mengunjungi beberapa negara ASEAN yang lain.

"Pada masa sama, kementerian akan menjemput rakan dari negara ASEAN untuk melawat negara ini, antara lain jemputan sudah dikemukakan kepada Indonesia memandangkan perdagangan antara Malaysia-Indonesia adalah sangat besar.

"Memandangkan ASEAN sudah diisyiharkan sebagai satu komuniti ekonomi bermula pada tahun ini, kami tidak mahu momentum yang dibina daripada penganjuran pelbagai program pada tahun lalu akan berkurangan. Perbincangan akan diadakan untuk meningkatkan pencapaian ASEAN dari segi integrasi ekonomi," katanya. Beliau berkata demikian selepas melancarkan program Generasi Pengeksport Baharu (GenEX) di sini, hari ini.

Jumlah perdagangan Malaysia pada 2015 berkembang 1.2 peratus untuk mencecah RM1.46 trilion, berbanding RM1.44 trilion tahun sebelumnya yang disokong oleh pertumbuhan kukuh 5.1 peratus pada separuh kedua tahun lalu.

Eksport berkembang 1.9 peratus di sebalik persekitaran ekonomi mencabar, untuk mencecah RM779.95 bilion pada 2015, manakala import berkembang sederhana 0.4 peratus kepada RM685.65 bilion.

Prestasi membolehkan negara mencatatkan lebihan dagangan RM94.29 bilion, pencapaian lebihan dagangan buat tahun ke-18 berturut-turut.

Mustapa berkata, perkara terpenting dalam perangkaan perdagangan negara pada tahun lalu adalah jumlah eksport terus berkembang lebih pantas daripada import, yang membolehkan Malaysia mencatatkan lebihan akaun dagangan dalam masa beberapa tahun lalu.

"Pada tahun lalu, peningkatan lebihan dagangan adalah 14 peratus, yang juga satu perkembangan sangat menggalakkan. Kami berharap dapat mengekalkan rekod ini, yang bermakna keupayaan untuk meningkatkan jumlah eksport dalam persekitaran mencabar dan sekali gus memperluaskan lebihan dagangan.

"Tahun lalu, berlaku peningkatan eksport ke negara ASEAN seperti Vietnam, Thailand, Filipina. Jadi inilah pasaran yang dikenal pasti berkembang dengan agak pantas," katanya.

Beliau menambah, tumpuan kementerian dalam persekitaran ekonomi yang mencabar ini adalah untuk memudahkan usaha menyokong syarikat tempatan meneroka pasaran eksport, berbanding menyediakan bantuan kewangan.

Katanya, usaha berkenaan akan dibantu oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) yang mempunyai pejabat di 46 negara seluruh dunia, dengan 36 pejabat dikendalikan oleh kakitangan Malaysia manakala 10 pejabat lagi diselia oleh pegawai pemasaran daripada rakyat tempatan negara terbabit.

"Tugas kami adalah membantu memudah cara perniagaan dengan memberi ruang kepada usahawan dan memaklumkan mengenai peluang (yang ada dalam pasaran eksport).

"Kami juga mempunyai pusat bersepadu eksport yang dirasmikan tiga bulan lalu. Pusat sehenti ini membolehkan usahawan mendapatkan maklumat pembiayaan dan peluang di negara tertentu, justeru dengan adanya kemudahan ini, usahawan boleh mengetahui apakah yang boleh dilakukan di negara terbabit," katanya.

